

Khazanah mesti ditadbir penuh ketelusan

← Dari MUKA SEPULUH

Bermula 1 Januari 2018, Khazanah telah melantik dua Ahli Lembaga Pengarah Eksekutif, iaitu Ahmad Zulqarnain Onn dan Tengku Datuk Seri Azmil Zahruddin Raja Abdul Aziz sebagai Timbalan Pengarah Urusan bertujuan memudahkan urusan peralihan.

Elok kiranya proses peralihan itu tidak diganggu dengan mengekalkan Tan Sri Azman sebagai Pengarah Urusan sehingga Mei tahun depan.

Teruskan kecemerlangan

Selain itu, kerajaan harus mengekalkan beberapa ahli lembaga pengarah yang terbukti dari segi prestasi dan sumbangan supaya ada kesinambungan dalam pelaksanaan pelaburan strategi Khazanah yang sedia ada.

Kedua, Khazanah terbukti mentransformasikan syarikat milik kerajaan dengan memastikan syarikat itu ditadbir urus dengan baik dan dikendalikan oleh pengurus yang profesional dan berkemahiran tinggi.

Malah, Khazanah juga berjaya

mengelakkan kontroversi seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dalam menguruskan pelaburan kerajaan.

Oleh itu, kerajaan seharusnya memastikan kecemerlangan dan prestasi Khazanah diteruskan serta diberi galakan supaya ia terus berkembang dan mampu menyumbang lebih banyak pulangan kepada negara.

Sudah tentu rakyat tidak mahu keseluruhan mandat Khazanah ditukar sepenuhnya semata-mata untuk memenuhi agenda yang terlalu sempit.

Apa yang penting ialah penambahbaikan berterusan seperti memfokuskan beberapa strategi pelaburan yang mampu meningkatkan sosioekonomi sesuatu kaum yang sangat memerlukan, tetapi pada masa sama, tidak menjejaskan pelaburan utama dikendalikan Khazanah sekarang.

Ketelusan perlu wujud dalam mentadbir Khazanah dan dasar serta polisi kerajaan berkaitan Khazanah juga perlu diperjelaskan. Ini penting dalam mengekalkan keyakinan rakyat dan pihak industri dalam segala jenis

urusan mereka yang membabitkan Khazanah.

Khazanah adalah institusi negara yang telah banyak berjasa kepada negara walaupun baru berusia hampir 25 tahun.

Kecemerlangan ini patut diteruskan dengan gaya kepemimpinan versi timur yang sebenarnya, iaitu kerajaan dan Khazanah berjalan bersebelahan menuju ke hadapan dengan tangan berpimpinan bukan seperti kepemimpinan di Barat yang mana seorang di hadapan menarik tangan pengikutnya di belakang.